

07 DEC 2001

UMNO TIADA HALANGAN KEMASUKAN SEMULA PBS KE DALAM BN

KUALA LUMPUR, 7 Dis (Bernama) -- Umno tiada halangan dengan kemasukan semula Parti Bersatu Sabah (PBS) ke dalam Barisan Nasional (BN), kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata Majlis Tertinggi (MT) Umno telah membincangkan perkara itu dan tidak ada halangan mengenainya.

Presiden Umno itu berkata demikian selepas mempengerusikan tersebut di Ibu Pejabat parti di sini hari ini.

Katanya pendirian itu akan dinyatakan oleh wakil Umno dalam mesyuarat Dewan Tertinggi BN yang akan diadakan mungkin selepas Hari Raya nanti.

Dr Mahathir berkata mesyuarat MT juga melahirkan penghargaan ke atas Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang mangkat ketika memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong.

Beliau berkata penghargaan itu akan disampaikan kepada anakanda Almarhum, Sultan Sharafuddin Idris Shah, Sultan Selangor.

--BERNAMA
SLR AKT ZB